

12 NOV 1999

Pilihan Raya-Cuepacs

CUEPACS MOHON JPA ISYTIHAR CUTI PADA 29 NOV

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Cuepacs akan mengemukakan rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya 29 Nov, hari pengundian bagi pilihan raya umum ke-10 ini, dijadikan hari cuti bagi sektor awam.

Presidennya N. Siva Subramaniam berkata cuti itu perlu bagi memudahkan kakitangan awam keluar mengundi khususnya mereka yang akan mengundi di luar daerah atau kawasan mereka bertugas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini menetapkan 29 Nov, yang jatuh hari Isnin, sebagai hari pengundian dan 20 Nov sebagai hari penamaan calon bagi 193 kerusi parlimen dan 394 kerusi dewan undangan negeri yang dipertandingkan.

Siva juga berkata Cuepacs akan turut menghantar rombongan bagi menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari penamaan calon di Kubang Pasu.

Katanya rombongan itu bertujuan menunjukkan sokongan dan penghargaan kakitangan awam kepada Dr Mahathir terhadap segala jasa dan usaha beliau membangunkan perkhidmatan awam.

Siva yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata tarikh pengundian itu tidak menimbulkan masalah walaupun ia bertembung dengan jadual peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kerana Kementerian Pendidikan akan mengubah jadual kertas peperiksaan itu.

Walaupun sekolah-sekolah digunakan untuk pilihan raya, kebanyakannya adalah sekolah rendah manakala peperiksaan itu melibatkan sekolah menengah, katanya.

Mengenai guru yang terlibat sebagai petugas sementara untuk SPR, beliau berkata hanya sebahagian sahaja guru yang terlibat sebagai pengawas peperiksaan atau pemeriksa kertas jawapan.

-- BERNAMA

HS NMO